



## Kerjasama TVET ASEAN-UK Untuk Masa Depan Yang Mampan

Dr Jaya Priah Kasinathan

*Suggested citation:*

Kasinathan, J. P. (2023) Kerjasama TVET ASEAN-UK Untuk Masa Depan Yang Mampan. (ASEAN-United Kingdom TVET partnerships for sustainable futures). Published in November 2023. <https://peer.coventry.ac.uk/blogs-and-papers/>

# **Kerjasama TVET ASEAN-UK Untuk Masa Depan Yang Mampan**

Versi Bahasa Melayu diterjemahkan oleh Dr Jaya Priah Kasinathan  
Pakar Pengurusan TVET merangkap Pengurus Latihan dan Pembangunan Profesional Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Brunei Darussalam

Sejak kebelangan ini, kepentingan bidang pendidikan dan latihan vokasional dan teknikal (TVET) telah meningkat dari segi kerjasama antara negara United Kingdom (UK) dan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara ([ASEAN](#)). Organisasi Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) telah mengidentifikasi TVET sebagai salah satu dari tujuh bidang keutamaan untuk pengembangan pendidikan mulai tahun 2015 hingga tahun 2035 dan menekankan kontribusi TVET dalam pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG4). Pembentukan Majlis TVET ASEAN (ASEAN TVET Council- ATC) pada tahun 2020 dan pelan kerja ATC 2021-2030 menandakan kepentingan TVET di rantau ASEAN.

UK dikenal secara meluas sebagai rakan jangka panjang dalam pendidikan tinggi dan penyelidikan dengan universiti-universiti ASEAN, tetapi sedikit sahaja yang diketahui tentang penglibatannya dalam TVET rantau tersebut. Kebanyakkan Kerjasama ASEAN-UK TVET adalah diantara Institutusi Pengajian Tinggi, terutamanya dalam bidang pembangunan kurrikulum and penyelidikan tentang TVET. Kebanyakkan universiti yang ditubuhkan selepas tahun 92-an asalnya adalah politeknik dan merupakan rakan kerjasama yang paling aktif dalam TVET di Asia Tenggara.

Baru-baru ini, projek PEER ([PEER project](#)), yang dipimpin oleh Universiti Coventry dan dibiayai oleh British Council, telah memetakan model-model berbeza dan pola perubahan kerjasama TVET UK dengan ASEAN serta mengenal pasti faktor-faktor yang dapat memajukan kerjasama pada masa depan. Dalam projek ini, TVET difahami terdiri daripada pendidikan, latihan, dan pembangunan kemahiran yang berkaitan dengan pelbagai bidang pekerjaan, pengeluaran, perkhidmatan, dan mata pencarian dari peringkat pra-pekerjaan hingga pembangunan profesional berlanjutan.

## **Diplomasi TVET**

TVET telah menjadi sebahagian daripada program bantuan antarabangsa kerajaan UK untuk negara berpendapatan rendah dan pertengahan. Apabila ASEAN mula mengglobalisasi sektor TVET, UK telah bertindak-balas dengan memasukkan TVET dalam hubungan dua-hala dengan kebanyakan negara ASEAN. Banyak memorandum persefahaman (MoU) kerajaan mengenai kerjasama TVET dan projek pembangunan berskala besar telah dipersetujui oleh diplomat-diplomat tertinggi UK dengan [Vietnam](#), [Kemboja \(Cambodia\)](#), [the Philippines](#), [Malaysia](#), dan [Indonesia](#).

Diplomasi pendidikan tinggi sering melibatkan mobiliti pelajar, manakala diplomasi TVET pula lebih menumpukan keutamaan kepada reformasi makro-struktural dan pembangunan dasar dengan penglibatan negara-negara berkenaan. Kerjasama TVET dua-hala UK dengan negara-negara ASEAN berkongsi matlamat 'pembinaan institusi' yang merupakan pendekatan terutamanya yang direka untuk ekonomi yang sedang membangun serta yang telah memilih jalan menuju modenisasi dan matlamat utamanya adalah kemajuan sosio-ekonomi dan pembangunan negara. Dalam bidang pengajian pembangunan, 'institusi' sering merujuk kepada set-set peraturan formal dan tidak formal yang dikuatkuasakan oleh negara dan oleh kumpulan pemegang kepentingan yang relevan.

Laporan OECD ([OECD report](#)) tahun 2018 mengenai TVET di ASEAN, yang dibiayai oleh Pejabat Luar Negeri dan Komanwel UK (FCO) ketika itu, memberikan bukti bahawa TVET adalah alat yang kuat untuk meningkatkan kebolehpasaran dan produktiviti tenaga kerja, mengatasi pelbagai cabaran pembangunan, dan mempromosikan pertumbuhan inklusif di peringkat tempatan di rantau ASEAN.

## **TVET di Vietnam**

Pada tahun yang sama, British Council dipilih sebagai salah satu rakan penyelenggara bagi projek 'VET Toolbox' - projek yang dibiayai oleh Kesatuan Eropah untuk menyokong negara Vietnam

dalam melaksanakan [TVET Strategi 2011- 2020](#).Strategi ini menetapkan objektif yang tinggi untuk meningkatkan kualiti TVET di Vietnam untuk memenuhi standard negara maju di ASEAN dan membangunkan 70 kolej TVET berkualiti tinggi menjelang tahun 2025.

British Council menyokong dua projek yang menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran di empat (4) kolej Vietnam pada tahun 2018 berdasarkan standard pemeriksaan UK [OFSTED](#) dan menilai kelayakan lima (5) kolej Vietnam yang lain berdasarkan England Regulated Qualifications Framework. Projek pertama menilai ketahanan mekanisme jaminan kualiti yang ada dan membangunkan alat penilaian kendiri untuk digunakan oleh kolej TVET di seluruh Vietnam, manakala projek kedua pula membantu mengenal pasti 'roadmap' untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa bagi kelayakan. Menurut responden kami, cabaran utama adalah untuk mengembangkan amalan globalisasi yang inklusif untuk melibatkan juga guru-guru dan pelajar dalam jaminan kualiti, dan bukannya untuk para pembuat dasar sahaja. Aktiviti penanda aras(benchmarking) UK adalah sesuatu yang baik untuk dimiliki, tetapi Vietnam belum mencapai objektif untuk mendapatkan pengiktirafan bersama dari negara-negara ASEAN yang lain.

### **Skills for Prosperity**

Pada tahun 2019, program '[Skills for Prosperity](#)' yang selama empat tahun dibiayai oleh FCO UK dilancarkan di sembilan negara berpendapatan sederhana, termasuk Indonesia, Malaysia, dan Filipina. Program khas ini di Asia Tenggara bertujuan meningkatkan kualiti, relevansi, kesaksamaan, dan kemampuan mewujudkan sistem TVET yang berkualiti serta meningkatkan akses kepada latihan berkualiti untuk kumpulan terpinggir, termasuk golongan wanita dan remaja perempuan.

Kerjasama UK-Indonesia tertumpu pada sektor maritim TVET termasuk logistik dan perdagangan antarabangsa, pengurusan pelancongan global, kejuruteraan pelayaran, dan kejuruteraan pembinaan kapal. Sebagai negara kepulauan, sektor maritim memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi Indonesia dan oleh itu telah dikenal pasti sebagai sektor keutamaan dalam rancangan utama Global Maritime Fulcrum. Ianya juga dipilih disebabkan kepakaran dan reputasi UK dalam bidang ini. Manakala, negara Malaysia memberi tumpuan kepada sektor pembinaan dan pengeluaran makanan untuk menggalakkan integrasi kemahiran STEM dan kemahiran digital ke dalam sistem TVET.

Kerjasama UK-Filipina, sebagai sokongan kepada program mega 'Build, Build, Build' kerajaan Filipina, memberi tumpuan kepada sektor pembinaan dan ekonomi digital kerana sektor-sektor ini menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk kumpulan yang terpinggir.

Matlamat bersama utama dalam kerjasama ini adalah untuk menyokong pembangunan dasar, seperti Peraturan Presiden Indonesia 68 tentang Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Vokasional yang dilancarkan pada Februari 2023, penubuhan jawatankuasa kemahiran sektoral yang membuka jalan kepada Jawatankuasa TVET Kebangsaan Indonesia; pembangunan Pendaftaran Kemahiran Kebangsaan Malaysia - pangkalan data dalam talian yang mengandungi maklumat menyeluruh tentang pekerjaan dan kemahiran serta sokongan meramalkan dan memadankan dengan keperluan kemahiran masa depan; penciptaan sistem Maklumat Pasaran Buruh berasaskan kawasan di Filipina untuk menguruskan permintaan kemahiran dan meningkatkan penyediaan TVET serantau.

### **Kerjasama TVET: dari bantuan kepada bidang perdagangan**

Kerjasama TVET UK-ASEAN sebelum ini yang termasuk dalam dekad terakhir dapat digolongkan dalam model 'eksportasi pendidikan' selaras dengan Strategi Pendidikan Antarabangsa UK. Adalah ternyata, City and Guilds, Pearson, Training Qualifications UK, National Open College Network (NOCN), dan TVET UK memainkan peranan aktif di Asia Tenggara. City & Guilds adalah organisasi penganugerahan vokasional terbesar UK dengan pengalaman lebih dari 140 tahun dalam menetapkan standard global untuk kemahiran dan kelayakan vokasional. Ia menawarkan lebih dari 1000 kelayakan di semua peringkat dari tahap kemasukkan hingga tahap setaraf kedoktoran dan

sesuai untuk penyampaian di kolej-kolej, menyedia latihan, dan majikan. City & Guilds beroperasi di Brunei, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, dan Vietnam. Salah satu aktiviti utama yang menghasilkan pendapatan adalah menerusi pemberian lesen kepada kolej-kolej tempatan untuk menyampaikan kelayakan City & Guilds. Pada tahun 2022, terdapat 51 pusat yang berlesen di tujuh negara ASEAN, dan dimana 30 pusat darinya adalah di Malaysia. Institut Teknologi Riam di Malaysia merupakan pusat City & Guilds terbesar di Asia Tenggara, menyampaikan program-program dalam bidang kejuruteraan mekanikal elektrik, kejuruteraan automotif, dan seni kulinari.

Selain contoh diatas, adalah Pearson - sebuah syarikat pendidikan swasta yang mempunyai pejabat di Singapura, Vietnam, Thailand, Indonesia, Malaysia, dan Filipina. Pearson telah menerima pengiktirafan rasmi daripada kerajaan Thailand yang memberlakukan kelayakan Business and Technology Education Council ([BTEC](#)) diberikan di semua institusi pendidikan vokasional dan tinggi awam dan swasta di Thailand. Pelaksanaan perintis dimulai pada Disember 2018 dengan tumpuan untuk memperluaskan kelayakan BTEC ke seluruh institusi vokasional di Thailand untuk membangunkan standard bagi kursus vokasional dan menyokong Projek Ekonomi Koridor Timur ([EEC](#)) - projek 'flagship' ekonomi utama [Thailand 4.0](#) dengan bajet yang diluluskan sebanyak THB 861 juta (US\$28 juta) untuk membangunkan sumber manusia. Pearson memberikan lesen kepada kolej-kolej tempatan dan melatih guru-guru untuk menyediakan kemahiran insaniah (soft-skills), seperti kecekapan bahasa Inggeris, penyelesaian masalah, pemikiran kritis, dan kemahiran berkomunikasi, serta kelayakan dalam sepuluh industri sasaran termasuk kejuruteraan aeronautik, elektronik pintar/robotik, infrastruktur dan logistik, dan pelancongan.

Hasil kajian Projek PEER menunjukkan bahawa Pearson telah menerima pengiktirafan kelayakan BTEC dari Kementerian Pendidikan Thailand, tetapi masih bekerja untuk mengontekstualisasi kurikulum bagi memastikan pengesahan BTEC dari majikan, manakala kelayakan City & Guilds telahpun mendapat mengiktirafan dari industri walaupun masa pengajiannya adalah lebih singkat berbanding pendidikan formal di Malaysia. Walau bagaimanapun, cabaran bagi pusat-pusat tempatan ialah waktu yang lama yang diperlukan bagi permohonan mereka diproses oleh City & Guilds dan yuran pengajian yang tinggi. Kemampamanan kerjasama bergantung kepada permintaan bagi kelayakan City and Guilds yang dipengaruhi oleh pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan Malaysia (NOSS) - spesifikasi kemahiran yang diperlukan oleh Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan. Hubungan kolej tempatan dengan City & Guilds pula terhad kepada program/kelayakan yang tidak tercakup oleh NOSS. Begitu juga, di negara Brunei dimana pembangunan NOSS dan penggunaan kurikulum dan pensijilan tempatan akan mempengaruhi permintaan bagi kelayakan City & Guilds serta pusat-pusat yang diluluskan oleh mereka.

### **Menuju kearah kerjasama serantau yang mampan**

Hubungan UK-ASEAN TVET juga telah berubah kepada kerjasama serantau dan multilateral walaupun ia tidak akan menggantikan kerjasama bilateral. Dalam persiapan untuk pelancaran ASEAN Economic Community pada Disember 2015, terdapat seruan segera untuk pengantarabangsaan sistem TVET untuk memberi latihan kepada tenaga kerja kemahiran tinggi. British Council mengambil peluang pada saat bersejarah ini untuk bekerjasama dengan kerajaan Thailand dan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) untuk menganjurkan Mesyuarat Pegawai Tinggi Mengenai TVET 'Bekerjasama Menuju Harmonisasi dan Pengantarabangsaan' ([Working Together Towards Harmonisation and Internationalisation](#)) pada Ogos 2015.

Mesyuarat ini telah mengukuhkan rangkaian pembuat dasar kebangsaan dan amalan dalam Asia Tenggara dan mencadangkan pelancaran portal dalam talian serantau ([sea-vet.net](#)) dan penubuhan [SEA-TVET Konsortium](#) untuk memudahkan \*program pertukaran pelajar/guru dan harmonisasi kurikulum. Sejak pandemik Covid-19, program pertukaran juga memudahkan penukaran dalam talian dan Program Pertukaran SEAMEO TVET telah ditukar nama menjadi Program Petukaran SEAMEO TVET atau STEP ([SEAMEO TVET Exchange Programme](#)).

Program '[Skills for Prosperity](#)' di Asia Tenggara juga kelihatan menuju kearah kerjasama serantau. Penyempurnaan baru-baru ini dalam program ini akan menawarkan peluang untuk dialog serantau dan perkongsian pengetahuan. 'Ekonomi Biru' ([Blue Economy](#)) telah muncul sebagai projek serantau ASEAN yang memerlukan tenaga kerja terlatih dalam pelbagai pekerjaan untuk pemulihan pasca-Covid di seluruh ASEAN. Jawatankuasa kemahiran sektor maritim Indonesia akan menjadi sumber inspirasi untuk pembelajaran bersama dan kerjasama Selatan-Selatan. Model perkongsian serantau yang mampan memerlukan langkah ke arah mengekalkan kurikulum dan kelayakan bersama, menyesuaikan amalan, dan menentukan semula kejayaan.

Kewujudan penyatuan strategi ASEAN mengenai Revolusi Industri Keempat [Fourth Industrial Revolution](#) (4IR) dan pemulihan pasca-pandemik telah mengubah landskap dunia pekerjaan dengan mendalam, menjadikan usaha peningkatan kemahiran (upskilling) dan penjanaan semula kemahiran (reskilling) sebagai usaha berterusan bagi rantau ASEAN untuk mengekalkan tahap yang sama dengan negara-negara lain di dunia. Penubuhan kerjasama antarabangsa yang mampan dilihat sebagai penyelesaian untuk meningkatkan kualiti TVET, penjenamaan semula imejnya, serta pembangunan tenaga kerja yang responsif terhadap pasaran.

UK telah menjadi rakan Dialog ASEAN pada Ogos 2021 dan dalam Pelan Tindakan UK-ASEAN 2022 ([UK-ASEAN Plan of Action](#),2022) kebanyakan aktiviti kolaboratif dicadangkan pada peringkat serantau, termasuk cadangan konkrit bagi sektor TVET “3.2.6 Menerokai kerjasama antara Majlis TVET ASEAN(ATC) dan UK untuk menyokong usaha ASEAN dalam mengharmonisikan TVET dan inisiatif pembangunan sumber manusia di rantau ini.”

Salah satu keutamaan Majlis TVET adalah menyokong penyelidikan dalam TVET dan membangunkan Sistem Maklumat Pasaran Buruh ([LMIS](#)) yang boleh menjadi hasrat bersama antara negara UK dan ASEAN.

*Penulis:*

Dr. Que Anh Dang, Universiti Coventry (UK), adalah penyiasat utama projek PEER. Dr. Jaya Priah Kasinathan adalah Pakar Pengurusan TVET dan Pengurus Latihan dan Pembangunan Profesional, dan Dr. Paryono adalah Timbalan Pengarah Hal Ehwal Profesional dan Pakar Penyelidik di SEAMEO VOCTECH."